



**26 Ogos 2009 (Rabu)**

### **Kontraktor PKFZ sedia ke mahkamah**

KUALA LUMPUR 26 Ogos — Kuala Dimensi Sdn. Bhd., kontraktor projek 'turnkey' Zon Pelabuhan Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang dilanda skandal, memberitahu Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) hari ini bahawa ia sedia untuk ke mahkamah atau timbangtara berkaitan dakwaan tuntutan berlebihan dalam projek multi-bilion ringgit. Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, Kuala Dimensi, yang diwakili oleh timbalan ketua pegawai eksekutifnya, Datuk Faizal Abdullah, menafikan dakwaan berkenaan.

"Kuala Dimensi berkata, mereka masih menunggu dakwaan daripada Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan selepas itu, mereka sedia ke mahkamah atau timbangtara," kata Azmi kepada pemberita. Hari ini buat pertama kali Kuala Dimensi hadir di hadapan jawatankuasa parlimen berkenaan dan Faizal disoal selama dua jam setengah di bangunan Parlimen di mana kes itu didengar. Ketua pegawai eksekutif syarikat itu, Datuk Seri Tiong King Sing hadir pada sebelah pagi dan keluar sebelum siasatan bermula. - Bernama

**26 Ogos 2009 (Rabu)**

### **LPK buat laporan kepada SPRM terhadap lima pihak**

PUTRAJAYA 26 Ogos — Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) Datuk Lee Hwa Beng telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap lima pihak termasuk individu dan syarikat atas sebab-sebab kemungkinan berlaku konspirasi. Lee memberitahu pemberita di pintu masuk ibu pejabat SPRM di sini hari ini, beliau juga mengemukakan dokumen-dokumen relevan sebagai bukti sokongan kepada laporan yang dibuat. "Sebagaimana diarahkan oleh LPK, saya membuat laporan bagi pihak LPK dengan SPRM terhadap syarikat-syarikat dan individu berikut;

- Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB) dan pengarah-pengarahnya;
- pembantu dan/atau agen kontraktor 'turnkey' bagi projek PKFZ;
- bekas pengurus besar LPK, Datin Paduka OC Phang;
- Presiden dan CEO KDSB, Datuk Seri Tiong King Sing dan

- BTA Architect dan/atau Bernard Tan Seng Swee selaku konsultan yang dilantik bagi kerja-kerja pembangunan dalam projek di Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ)," kata Lee. - Bernama

## **26 Ogos 2009 (Rabu)**

### **PKNS belanja RM600 juta untuk SSP2**

PETALING JAYA 26 Ogos - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah membelanjakan RM600 juta bagi membangunkan Taman Sains Selangor 2 (SSP2) seluas 526 hektar yang terletak 20 kilometer dari Cyberjaya. Pengurus Besarnya, Othman Omar berkata, projek yang baru 15 peratus dibangunkan itu dijangka menelan kos keseluruhan antara RM3 bilion dan RM4 bilion. "Kita telah mula menjalankan kerja meratakan tanah di kawasan itu sejak awal tahun lalu malah sebagai permulaan sebuah kilang pengeluar sel solar telah mula beroperasi pada awal Mei lalu dan ia merupakan pengeluar sel solar terbesar di dunia. "Kami yakin kilang tersebut akan menjadi salah satu tarikan di lokasi pembangunan mega kami yang terbaru ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Kibar Jalur Gemilang di Ibu Pejabat PKNS di sini kelmarin.

SSP2 bukan sahaja mempunyai pembangunan industri dan komersial malah turut mempunyai penempatan dan perumahan di kawasan yang menerapkan konsep kehijauan. Othman berkata, projek itu diilhamkan setelah kejayaan Taman Sains Selangor 1 yang terletak di Kota Damansara yang turut menempatkan kawasan industri, komersial serta penempatan. "SSP2 juga dijangka menjadi sebuah lagi pusat komersial dan penempatan yang bakal menjadi tarikan, lebih-lebih lagi memandangkan lokasinya yang strategik terletak berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Cyberjaya, Putrajaya dan hanya 25 kilometer dari pusat bandar raya Kuala Lumpur," kata Othman.

Selain industri perkilangan, perumahan dan komersial, beliau berkata, PKNS masih mengkaji projek-projek lain yang relevan untuk dibangunkan di kawasan itu. Menurutnya, pembangunan mega itu diharap mampu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswa dan siswazah kerana ia akan membuka lebih 20,000 peluang pekerjaan dan perniagaan. Beliau memberitahu, tiga syarikat iaitu Q-Cell (M) Sdn. Bhd., Andaman Group dan Metro Kajang Group telah menandatangani memorandum persefahaman pada 21 Ogos lepas untuk melabur di Taman Sains itu.

Sementara itu, sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-52, PKNS tidak ketinggalan memeriahkannya dengan melancarkan kempen kibar Jalur Gemilang. Majlis pelancaran berlangsung meriah dengan kehadiran 700 kakitangan dan wakil dari setiap cawangan PKNS. Ahli Majlis PKNS turut membantu menjayakan kempen tersebut dengan menyumbangkan 1,000 bendera secara percuma kepada orang ramai.

"Diharap masyarakat akan sedar tanggungjawab mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang bulan kemerdekaan ini," katanya selepas majlis pelancaran tersebut. Tambah Othman, walaupun pelbagai cara boleh dilakukan untuk meraikan sambutan itu tetapi semangat mengibarkan Jalur Gemilang memberi erti yang lebih mendalam. Menurut beliau, mengibarkan bendera menjadikan rakyat lebih bertanggungjawab untuk menghormati dan memelihara maruah negara. Selain itu, katanya, PKNS telah menyusun pelbagai program untuk menyambut hari kemerdekaan tahun ini.

## 26 Ogos 2009 (Rabu)

### PKFZ: Konspirasi lima pihak?

Oleh THOMAS CHONG [pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)



**LEE HWA BENG (kiri) menyerahkan memorandum kepada wakil SPRM bagi membuat laporan berhubung isu PKFZ di Putrajaya, semalam.**

PUTRAJAYA 26 Ogos - Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (PKA), Datuk Lee Hwa Beng membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan mendakwa lima pihak berkonspirasi dalam isu penyelewengan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Lima pihak tersebut ialah Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB) termasuk pengarah dan pegawainya; bekas Pengurus Besar PKA, Datin Paduka O.C. Phang; Ketua Pegawai Eksekutif KDSB, Datuk Seri Tiong King Sing; BTA Architect (BTA) dan perunding projek PKFZ, Bernard Tan Seng Swee. Hwa Beng berkata, pihaknya akan menggunakan semua saluran perundangan yang ada untuk mencabar tuntutan berjumlah RM1.4 bilion yang didapati bermasalah.

"PKA meminta SPRM menyiasat O.C. Phang serta hubungan antaranya dengan King Sing, BTA dan Bernard Tan. "Kita mempunyai alasan yang kukuh untuk percaya bahawa kemungkinan wujud konspirasi di kalangan pihak-pihak ini." Beliau berkata demikian selepas membuat laporan dan menyerahkan bahan bukti di ibu pejabat SPRM di sini hari ini. Hwa Beng berkata, pihaknya telah mengesan penyelewengan oleh O.C Phang yang memudaratkan PKA tetapi memanfaatkan KDSB.

"O.C. Phang umpamanya gagal memberi amaran kepada kerajaan berhubung keupayaan kewangan PKA untuk membeli tanah, PKA sebaliknya memeterai dua perjanjian bernilai RM1.055 bilion dengan KDSB lalu menambahkan liabiti kewangan PKA. "O.C. Phang juga berkeras mahu melantik Perunding BE Sdn. Bhd. sebagai juruukur bahan tunggal walaupun

syarikat ini mempunyai hubungan dengan KDSB. "O.C. Phang pada masa yang sama membuat keputusan secara unilateral tanpa kelulusan daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah PKA," katanya.

Dalam pada itu, Hwa Beng berkata, KDSB dan BTA telah mengeluarkan notis bayaran yang mengandungi unsur kepalsuan, kesilapan dan kekurangan yang dipercayai untuk mengelirukan PKA. Menurutnya, KDSB antaranya didapati menuntut bayaran yang tidak sepatutnya termasuk tuntutan dilakukan sebelum kerja dimulakan, tuntutan berlebihan dan tuntutan yang tidak tepat. "Notis bayaran ini telah menuntut bayaran ke atas kerja-kerja yang mana pada realitinya tidak pernah dijalankan, King Sing sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KDSB sepatutnya tahu bahawa notis bayaran ini adalah tidak benar. "Notis bayaran ini termasuk perihal lain yang tidak mematuhi peraturan adalah bernilai RM657 juta dan saya telah membuat laporan polis berhubung perkara ini," katanya.

## **27 Ogos 2009 (Khamis)**

### **LZS kutip RM99.9 juta dalam tujuh bulan**

SHAH ALAM 27 Ogos - Lembaga Zakat Selangor (LZS) berjaya mengutip sebanyak RM99.9 juta wang zakat daripada 115,378 pembayar dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini. Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Isa berkata, jumlah kutipan wang zakat itu menunjukkan peningkatan sebanyak 15 peratus berbanding RM87 juta pada tempoh yang sama tahun lalu. Jumlah pembayar juga menunjukkan peningkatan iaitu berbanding 106,213 orang dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Beliau berkata, dalam tempoh tujuh bulan ini juga, LZS telah mengagihkan sebanyak RM113.1 juta wang zakat kepada penerima yang layak. "Dengan arah aliran pembayaran zakat sekarang, LZS dijangka mengutip zakat harta lebih RM250 juta pada akhir tahun ini," kata beliau semasa berucap pada majlis penyampaian sumbangan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini. Menurut Mohamad Adzib lagi, pada tahun ini juga, LZS telah memperuntukkan sebanyak RM15,997,550 untuk diagihkan kepada 21,621 keluarga fakir dan miskin di Selangor. Tambah beliau, bagi memastikan komitmen dalam membantu golongan ini terutamanya anak-anak yatim berterusan, MAIS telah mewujudkan Tabung Amanah Sumbangan Anak-Anak Yatim Selangor. "Tabung ini turut dibuka kepada orang ramai yang ingin membantu anak-anak yatim," kata beliau.

**28 Ogos 2009 (Jumaat)**

## **Forum - Tidak perlu projek ekstrak air yang tidak bermanfaat**

SAYA menyokong kenyataan Ketua Pegawai Operasi Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), S. Piarapakaran dalam sebuah akhbar tempatan di mana projek pembangunan sumber air bawah tanah yang akan dijalankan di Batang Padang, Perak dan negeri-negeri lain oleh Sime Darby akan menimbulkan banyak masalah dan bencana terutamanya kepada alam sekitar. Projek air ini tidak wajar dijalankan dan pihak kerajaan harus mengambil tindakan supaya projek ini tidak diteruskan oleh syarikat berkenaan memandangkan projek ini akan memberi kesan buruk kepada ekosistem dan juga alam sekitar. Di samping itu juga, projek ini akan menyebabkan kehilangan banyak habitat di kawasan hutan tersebut dan turut menjelaskan aliran masuk air seperti sungai, tasik, paya dan air terjun.

Malaysia mempunyai banyak kawasan tadahan hujan dan masih mampu membekalkan air kepada seluruh penduduk. Sepatutnya kerajaan Malaysia harus berusaha untuk memperbanyakkan kawasan tadahan hujan dan bukanlah projek ekstrak air yang menelan belanja tinggi tetapi mendatangkan keburukan kepada alam sekitar. Siapakah yang akan menanggung kos yang tinggi sekiranya projek air ini diteruskan? Sudah tentu ia satu pembaziran dan lebih baik peruntukkan untuk projek tersebut dialihkan kepada projek yang lebih mendatangkan manfaat kepada rakyat.

Projek air ini bertujuan untuk membekalkan keperluan air mentah ke Lembah Klang. Projek yang kini dalam peringkat percubaan dan dalam proses untuk meyakinkan kerajaan Persekutuan bahawa ia mampu menangani krisis air negara pada masa akan datang. Mampukah syarikat berkenaan melaksanakan projek ini tanpa menjelaskan alam sekitar dan sistem ekologi? Adakah wajar projek air tersebut dilaksanakan yang bertujuan untuk membekalkan air ke kawasan Lembah Klang padahal negeri Selangor telah mempunyai syarikat yang menguruskan pembekalan air kepada penduduk. Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) di bawah Puncak Niaga adalah syarikat yang membekalkan air di negeri Selangor termasuklah Lembah Klang dan mampu membekalkan air secukupnya kepada penduduk.

Sehubungan itu, saya yakin bahawa SYABAS dapat menguruskan pembekalan air yang secukupnya kepada penduduk memandangkan SYABAS telah mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang ini dan mampu menangani apa jua masalah di masa akan datang. Oleh yang demikian, saya berharap agar pihak kerajaan memikirkan apa yang terbaik demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat dan tidak melakukan pembaziran yang kelak merugikan negara.

## **28 Ogos 2009 (Jumaat)**

### **Kadar geran PBT ikut luas, jumlah penduduk**

BEAUFORT 28 Ogos - Kadar pemberian geran tahunan kepada pihak berkuasa tempatan di Sabah dan Sarawak akan ditentukan mengikut keluasan dan populasi penduduk di kawasan PBT berkenaan. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Lajim Ukin berkata, cek pembayaran geran tahunan itu akan dikeluarkan menerusi kementeriaannya dan selepas itu terserah kepada PBT berkenaan untuk merancang program pembangunan di kawasan masing-masing. "Kita berharap pemberian geran ini akan membawa banyak kemajuan dalam pengurusan kawasan dan pembangunan di kedua-dua buah negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas mekanisme agihan geran tahunan berjumlah RM62.8 juta kepada PBT Sabah dan Sarawak seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini. Terdahulu Lajim yang juga Ahli Parlimen Beaufort mempergerusikan mesyuarat terakhir jawatankuasa persediaan Majlis Berbuka Puasa Badan Perhubungan UMNO Beaufort di Masjid Jamek Kampung Kebatu dekat sini hari ini.

Lajim berkata, PBT di Sabah dan Sarawak perlu merancang program pembangunan mengikut keutamaan yang diperlukan oleh rakyat di kawasan masing-masing. Katanya, ia penting bagi memastikan keperluan rakyat setempat dapat dipenuhi sekali gus meningkatkan kualiti hidup rakyat. Beliau menjelaskan, pemberian geran tahunan itu dijangka mampu menangani masalah kewangan yang dialami PBT di kedua-dua negeri tersebut. Menurutnya, sebanyak 23 PBT di Sabah akan menerima agihan geran tahunan tersebut mengikut saiz keluasan dan bilangan penduduk.

## **29 Ogos 2009 (Sabtu)**

### **Kerajaan pastikan projek RMK-9 yang lewat siap 2010**

PULAU PINANG 29 Ogos — Kerajaan akan memastikan 22 projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bernilai RM300 juta yang terlewat pelaksanaannya di Pulau Pinang, disiapkan sebelum tamat tempoh rancangan pada Disember 2010. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop hari ini berkata tindakan diambil untuk mengkaji faktor kelewatan dan menggerakkan semula projek itu supaya kesemua prasarana yang dirancang siap sebelum tamat tempoh RMK-9. Katanya antara punca kelewatan projek-projek itu ialah berkaitan dengan pengambilan semula tanah yang melibatkan pemindahan penduduk, kontraktor atau perunding yang meninggalkan projek separuh jalan, proses tender semula projek, dan pelantikan kontraktor baru.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pembangunan negeri di sini beliau berkata, antara projek yang berstatus lewat dan belum bermula di Pulau Pinang ialah tiga projek di bawah Kementerian Pelajaran, Kementerian Kerja Raya (dua), Kementerian Pengajian Tinggi (satu), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (dua), Kementerian Belia dan Sukan (satu) dan Kementerian Kesihatan (enam). Projek-projek mengikut kementerian itu ialah SMK Bayan Lepas, SM Pendidikan Khas Persekutuan dan Kuarters SK Teluk Kumbar II, projek naik taraf laluan Teluk Kumbar ke Pekan Genting, rumah persekutuan Jalan Scotland, Politeknik Balik Pulau, ibu pejabat Bomba Pulau Pinang di batu Kawan, balai bomba Kampung Terang Balik Pulau, gelanggang rakyat di 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN), kuarters Hospital Seberang Jaya dan beberapa projek naik taraf pusat kesihatan dan klinik kesihatan desa.

Nor Mohamed berkata dalam tempoh RMK-9, terdapat 1,055 projek pembangunan fizikal melibatkan peruntukan RM7.6 billion diatur untuk Pulau Pinang dan daripada jumlah itu, 496 projek bernilai RM1.5 billion sudah siap, 22 terlewat manakala bakinya dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Sementara itu katanya bagi memastikan matlamat Wawasan 2020 tercapai, perancangan untuk RMK-10 serta RMK-11 amat penting, dan ia perlu direncanakan bagi menepati matlamat yang diharapkan. "Atas faktor itu, perancangan perlu dibuat awal untuk memastikan antara lain tahap pendapatan perkapita rakyat meningkat daripada AS\$7,000 setahun kepada AS\$12,000 setahun dan pembangunan ekonomi negara adalah berdasarkan model baru," katanya.

Bagi Pulau Pinang, Nor Mohamed berkata amat perlu bagi kerajaan mewujudkan industri yang lebih sofistikated dan tidak lagi bergantung kepada industri pembuatan sebagai pemangkin ekonominya. "Selain itu kedudukan Pulau Pinang sebagai hub logistik dan pusat pelancongan harus ditingkatkan dan kerajaan persekutuan akan membantu dalam usaha mempromosi Pulau Pinang sebagai pusat pelancongan," . Katanya beliau yakin kerajaan persekutuan akan terus memberikan layanan yang adil dan saksama kepada semua negeri dalam RMK-10 yang akan bermula pada 2011 nanti.

## **29 Ogos 2009 (Sabtu)**

### **Putrajaya hasil sisa makanan tertinggi**

Oleh SITI MAISARAH SHEIKH ABD. RAHIM pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 29 Ogos - Penduduk Putrajaya menghasilkan 27.6 tan sampah daripada sisa buangan makanan sehari iaitu yang tertinggi di negara ini. Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn. Bhd., Datuk Ir. Zahri Abdul Ghani berkata, jumlah itu merupakan 69 peratus daripada jumlah 40 tan sampah sehari yang dikutip di wilayah itu. "Ini berdasarkan satu kajian yang dilakukan baru-baru ini yang di kenal pasti menjadi punca utama program kitar semula di Putrajaya tidak berjaya sejak 10 tahun lalu. "Hanya 10 peratus sahaja

proses kitar semula dicapai di wilayah ini berikutan jumlah sisa makanan lebih banyak dihasilkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis Pelancaran Projek Perintis Pengasingan Sisa Pepejal Dipunca di sini, hari ini. Projek usahasama Perbadanan Putrajaya dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) itu, Putrajaya dipilih menjadi lokasi pertama sebagai permulaan amalan pengurusan sisa pepejal yang lebih terancang di samping memupuk kesedaran dan pemahaman di kalangan masyarakat terhadap pengurusan itu yang lebih ideal dan mesra alam.

Mengikut statistik, setiap penduduk Putrajaya menghasilkan 0.8 peratus sehingga 1.25 kilogram sampah setiap hari bagi tempoh empat tahun kebelakangan ini. Jumlah ini dikatakan mampu menyumbang kepada penjanaan sisa pepejal yang beribu kali ganda pada masa hadapan sekiranya tidak diberi perhatian sewajarnya. Menurut Zahri, bagi mengatasi masalah sisa buangan makanan berlebihan itu, penduduk Putrajaya kini disaran mengasingkan sisa makanan dan sisa organik secara lebih terancang dan akan dihantar ke tapak kompos Presint 20 untuk dikitar semula menjadi baja. "Dengan pengasingan sisa makanan ini, maka sasaran untuk mencapai pengurangan 40 peratus sisa itu dilupuskan ke tapak pelupusan berjaya dicapai," katanya.

Sementara itu, Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, pelaksanaan program kitar semula negara ini masih di tahap rendah berbanding negara maju lain. "Singapura telah berjaya mencapai kadar 40 peratus kitar semula sedangkan Malaysia masih mengejar sasaran sebanyak 22 peratus menjelang tahun 2020."Penglibatan semua lapisan masyarakat menjadikan kitar semula sebagai amalan budaya mampu memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sisa pepejal dan menjimatkan kewangan negara," katanya.

## 30 Ogos 2009 (Ahad)

### Setinggan atau perkampungan nelayan?



**Pemandangan dari atas Kampung Teluk Tanjung menampakkan keadaan tidak terpelihara di kawasan sekitarnya ketika tinjauan, baru-baru ini.**

KUALA TERENGGANU 30 Ogos - Walaupun kedudukan kampung mereka hanya beberapa kilometer dari pusat bandar raya, sebahagian besar penduduknya masih tinggal dalam kawasan perumahan yang menyedihkan. Melihat kawasannya yang tidak terurus dan keadaan bentuk rumah yang bercampur-campur menjadi tanda tanya sesiapa sahaja yang melalui kawasan berkenaan. Perkampungan Teluk Tanjung yang telah wujud sejak berpuluhan tahun itu semakin ditinggalkan arus kemodenan walaupun kedudukannya hanya beberapa kilometer daripada pusat bandar.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke lokasi perkampungan itu bagi mendapatkan gambaran dengan lebih jelas, membuktikan hakikat yang dialami penduduk di kampung berkenaan. Ini kerana, struktur jalan yang sempit serta berlubang di sana sini, menyukarkan pergerakan perjalanan walaupun dengan menggunakan kenderaan bersaiz kecil. Lebih memburukkan keadaan, struktur dan bentuk rumah yang pelbagai jenis serta berhimpit-himpit menjadikan kawasan berkenaan tidak ubah seperti setinggan. Bezanya ia bukan setinggan namun sebuah perkampungan nelayan yang popular satu ketika dahulu dengan pelbagai aktiviti laut dan memproses makanan laut.

Tidak cukup itu sahaja, sistem perparitan yang tidak sistematik menyebabkan kebanyakan longkang yang ada tersumbat serta bertakung sehingga memudahkan pemberian nyamuk. Pasti ramai yang tidak percaya tentang kedaifan yang ditanggung oleh penduduk di sekitar kawasan tersebut yang difahamkan mempunyai lebih tujuh buah perkampungan di kawasan pantai itu. Antaranya ialah Kampung Tanjung Che Mat Taukey, Kampung Tanjung Surau Pasir, Kampung Tanjung Kapur, Kampung Tanjung Jamban Hijau dan Kampung Tanjung Mengabang. Namun perkampungan itu akan berubah wajah tidak lama lagi apabila rumah-rumah di kawasan itu akan diroboh bagi memberi laluan kepada projek pembangunan. Entah di mana silapnya, penduduk di kawasan tersebut perlu mengalah kepada pembangunan sedangkan ada kawasan perkampungan lain sudah menjadi perkampungan tradisi.

Jika tindakan adil atau tidak adil ingin dibicarakan maka kalahlah penduduk kerana mereka bukanlah pemilik tanah yang diduduki. Namun ketika wartawan menemui penduduk-penduduk di kawasan tersebut, ada suara-suara yang meluahkan pelbagai kebimbangan, kerisauan dan kesedihan di lubuk hati mereka.

Seorang penduduk Kampung Pantai Teluk, **Ali Omar Abdullah**, 65, mengakui perkampungan nelayan di kawasan sekitar itu hanya tinggal kenangan. Ujarnya, sejak dilanda banjir besar pada tahun 1986, banyak kampung telah musnah akibat dibawa arus banjir. "Dulu perkampungan di sini meriah dengan pelbagai aktiviti nelayan di sepanjang pantai namun sejak di landa banjir, ramai yang telah berpindah ke kawasan lain. "Jadi terdapat banyak rumah yang ditinggalkan sehingga menyebabkan pemandangan tidak cantik di sekitar kawasan ini. "Lagi pun jalan serta infrastruktur di kawasan ini juga tidak sempurna. Namun apa yang mampu dilakukan oleh penduduk kerana ia terpulang kepada kerajaan negeri untuk membangunkannya," katanya ketika ditemui di rumahnya.

Che Fatimah Jusoh, 58, pula berpendapat, kerajaan perlu menyediakan penempatan bagi penduduk di kawasan tersebut sekiranya ingin memajukan tanah berkenaan. Ujarnya,

walaupun tanah berkenaan milik kerajaan negeri namun mereka telah menduduki tanah tersebut sejak lebih 50 tahun. "Saya harap kerajaan negeri dapat mempertimbangkan permintaan penduduk agar menyediakan penempatan baru bagi menggantikan kawasan ini sekiranya ia akan diambil kelak. "Pada pendapat saya ia adalah sebahagian daripada tanggungjawab kerajaan negeri dalam membantu penduduk sekali gus memudahkan kawasan tersebut dibangunkan tanpa sebarang masalah," jelasnya.

## 30 Ogos 2009 (Ahad)

### Rencana- Malaysia 52 tahun merdeka

Oleh Hafizahril Hamid



**TUNKU Abdul Rahman menerima watikah kemerdekaan daripada wakil Ratu Elizabeth II di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1957.**



**Tunku Abdul Rahman bersama delegasi ke London untuk membincangkan tentang kemerdekaan Tanah Melayu.**



**PERARAKAN menentang komunis yang di ketuai oleh Tuanku Abdul Rahman.**

Dalam usaha mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah, semua negara di dunia mempunyai pelbagai kisah dan pengalaman tersendiri dalam memperjuangkan kemerdekaan. Ada yang berjuang sehingga mengorbankan banyak nyawa, ada yang terpaksa bersekongkol dengan militan dan gerakan bawah tanah. Pada masa yang sama ada juga yang percaya pada perjuangan tanpa keganasan. Dalam konteks kemerdekaan negara ini, ia dicapai melalui cara yang berhemah iaitu melalui rundingan tanpa perlu menumpahkan darah. Inilah perkara paling unik yang membezakan Malaysia dan negara-negara lain dalam perjuangan kemerdekaan.

Tarikh keramat 31 Ogos 1957 terus terpahat dalam sejarah sebagai hari negara ini bebas dari cengkaman penjajah yang senantiasa menjadi petualang demi untuk kepentingan mereka. Namun begitu ini tidak bermakna kita memperoleh kemerdekaan dengan mudah. Sejak negara ini dijajah pada 24 Ogos 1511 dengan runtuhnya Kesultanan Melayu Melaka kepada Portugis, telah berlaku banyak perperangan dan pertempuran terhadap penjajah bagi menyatakan kebencian penduduk negara ini terhadap penjajah. Kemudian dengan bermulanya campur tangan British di Tanah Melayu pada 1874, ini mula menimbulkan kebencian terhadap penjajah, yang akhirnya mendorong orang Melayu untuk bangkit menentang British.

Nama-nama seperti Datuk Bahaman, Datuk Maharajalela, Haji Abdul Rahman Limbung dan Mat Salleh di Sabah, hanya menyebut beberapa nama merupakan antara tokoh pejuang awal yang sanggup mengorbankan diri demi memperjuangkan kebebasan dengan menghalau penjajah. Walaupun penentangan yang dilakukan ini tidak memperoleh apa-apa kemenangan tetapi semangat perjuangan inilah yang telah memercikkan api nasionalisme untuk memperoleh kemerdekaan.

## Nasionalisme

Gerakan nasionalisme untuk memperoleh kemerdekaan mula timbul berikutan semangat penduduknya yang inginkan sebuah negara bangsa yang merdeka, bebas dari penjajah dan mentadbir negara sendiri dengan corak kepimpinan sendiri. Langkah paling berkesan dalam menyemarakkan semangat nasionalisme di kalangan masyarakat ialah melalui akhbar yang mana ia telah berjaya meniupkan semangat anti penjajah. Terdapat beberapa golongan yang cerdik pandai yang berjuang dengan menggunakan mata pena untuk menanamkan semangat perjuangan. Antara mereka ialah golongan berpendidikan agama yang mendapat pendidikan di Al Azhar, Mesir. Golongan kedua adalah golongan berpendidikan sekular Inggeris dan golongan ketiga ialah golongan sekular berpendidikan Melayu.

Mereka menggunakan teknik penulisan untuk menentang penjajah dan dalam masa yang sama menanamkan semangat nasionalisme. Namun penjajahan Jepun pada 1942-1945 adalah punca sebenar yang telah membuka mata masyarakat bahawa penjajahan boleh dihapuskan. Keupayaan Jepun menundukkan penjajah British sekali gus membuktikan bahawa penduduk negara ini boleh membebaskan diri dan berdikari. Selepas pendudukan Jepun, orang Melayu telah sedar bahawa pihak British tidaklah sekuat yang di sangka,

ditambah pula oleh semangat untuk merdeka yang bertiup kencang di Indonesia yang sedikit sebanyak mempengaruhi penduduk di sini.

Namun begitu Tanah Melayu sekali lagi dijajah oleh British, dan malangnya penjajah melihat kemerdekaan bukanlah perkara utama bagi mereka malah mengumumkan cadangan penubuhan Malayan Union. Sir Harold MacMichael telah dihantar ke Tanah Melayu untuk mendapatkan tandatangan daripada Raja-raja Melayu. Beliau telah bertindak memaksa Sultan-sultan Melayu untuk menerima cadangan-cadangan pihak British. Malah Sultan yang enggan menandatangani perjanjian tersebut diugut akan digantikan dengan sultan yang lain atas tuduhan bekerjasama dengan Jepun

Malayan Union juga mencadangkan undang-undang baru yang memberikan kewarganegaraan kepada semua orang yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura, serta pendatang yang tinggal sekurang-kurang 10 tahun sebelum 15 Februari 1942. Semua warganegara Malayan Union yang baru itu akan mempunyai hak-hak yang sama, termasuk penerimaan masuk untuk perkhidmatan awam yang juga dikenali sebagai 'jus soli'. Tergugat dengan keadaan ini orang Melayu yang selama ini dilihat lemah oleh penjajah telah bangkit membantah.

Komuniti Cina dan India juga tidak ghairah dan telah mengkritik sesetengah peruntukan yang terdapat di dalam kertas putih Malayan Union. Pesara-pesara British dalam Perkhidmatan Awam seperti Frank Swettenham, George Maxwell, R. O. W. Winstedt, Cecil Clementi dan Laurence Guillemardt turut membantah rancangan Malayan Union. Dari sudut pandangan orang Melayu, penentangan ini telah disampaikan dengan lebih berkesan selepas penubuhan UMNO atau Pekembar yang muncul untuk menyuarakan bantahan Melayu terhadap Malayan Union. Pada 1 Mac 1946, sebuah Kongres Melayu Seluruh Tanah Melayu (Pan-Malayan Malay Congress) diadakan di Kelab Sultan Suleiman, Kuala Lumpur yang disertai kira-kira 200 orang wakil Melayu daripada 41 buah persatuan.

Pada 1 Mei 1946, Kongres Melayu Seluruh Tanah Melayu Ke-2 diadakan di Johor Bahru. Dalam kongres itu, pembentukan UMNO diisyiharkan dan Dato Onn Jaafar, Menteri Besar Johor, dilantik sebagai presiden pertama. Kongres itu turut mendesak Malayan Union dimansuhkan. Pihak British sangat terkejut dengan perubahan sikap masyarakat Melayu. Negeri-negeri Melayu yang selama ini terpisah dan tidak bersatu telah bangun bersama-sama,

## **Perubahan**

Malah Sultan di negeri-negeri Melayu turut bersama berganding bahu menentang Malayan Union dan semua ini berjaya dicapai melalui usaha tersusun yang dilakukan UMNO. Meskipun penentangan orang Melayu begitu hebat, kerajaan British enggan menarik balik pelaksanaan Malayan Union. Sebaliknya, Malayan Union telah diisyiharkan pada 1 April 1946 dengan Edward Gent dilantik Gabenor pertama. Bagaimanapun, penentangan terhadap Malayan Union begitu kuat sehingga rancangan itu tidak dapat dikuatkuasa sepenuhnya.

Malah pada majlis pelantikan Edward Gent, majlis tersebut telah dipulau oleh Sultan-sultan Melayu. Akhirnya, Malayan Union dibatalkan pada 1 Februari 1948 dan ia telah digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu dan bermulalah episod untuk mendapatkan kemerdekaan. Percubaan pertama untuk mendapatkan kemerdekaan berlaku pada 1954, di mana Tunku Abdul Rahman mengetuai sekumpulan perwakilan ke London untuk memperoleh kemerdekaan Malaya. Bagaimanapun, percubaan tersebut gagal. Pada tahun yang berikut, Pilihan Raya Persekutuan yang pertama diadakan. Parti Perikatan yang ketika itu merupakan gabungan UMNO dengan MCA memenangi 51 daripada 52 kerusi yang ditandingi.

Tunku dilantik sebagai Ketua Menteri Malaya yang pertama dan MIC yang mewakili kaum India menyertai parti tersebut pada tahun 1955. Pada tahun 1955, Tunku sekali lagi pergi ke London untuk berunding tentang kemerdekaan Malaya. Pada kali ini, beliau berjaya dan tarikh 31 Ogos 1957 diputuskan sebagai tarikh kemerdekaan. Laungan "merdeka" yang bergema di Stadium Merdeka turut sama dilaung dan dikongsi bersama di seluruh negara. Sejak itu, tanah air ini telah berjaya melakar pelbagai kejayaan dan kemakmuran yang membanggakan selama 52 tahun untuk dikongsi bersama setiap warganya tanpa mengira kaum, agama dan kedudukan.